

Selatan/Timur

Program kerjasama UMP, AKEPT

35 graduan perintis terima diploma

Kursus dilaksana bagi melahirkan modal insan lebih kompeten dalam pengurusan bakat

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Seramai 35 graduan program kerjasama **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) di bawah agenda Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) menerima diploma masing-masing, baru-baru ini.

Penyampaian diploma itu disampaikan Naib Canselor UMP, Prof Dr Wan Azhar Wan Yusoff pada Majlis Konvokesyen UMP Kali Ke-14 di Kompleks Sukan UMP Gambang, di sini.

Program perintis itu dilaksanakan UMP Advanced Education (UMPA) yang berjaya melahirkan graduan bidang Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi (CBTM).

Pelaksanaan pembangunan modal insan dan pengurusan bakat



Wan Azhar (empat dari kiri) dan Nordin (tiga dari kiri) bersama graduan Diploma Profesional CBTM selepas Majlis Konvokesyen UMP Ke-14 di Kuantan, baru-baru ini. (Foto lisan UMP)

itu selaras kepentingan pembangunan sumber manusia pendidikan tinggi dan dunia kesjarjaan ke arah pemantapan penyampaian kerja berprestasi tinggi pada masa depan.

Pengarah AKEPT, Prof Dr Nordin Yahaya, berkata agenda pengurusan dan pemerksaan bakat kepimpinan penting dalam ekosistem organisasi dan institusi pendidikan tinggi.

Katanya, hasrat AKEPT membina jambatan ilmu CBTM direalisasikan melalui kolaborasi strategik antara AKEPT dan UMP yang menjadi tonggak membudayakan pengurusan bakat beribawa di universiti awam (UA).

"Alumni pertama AKEPT-UMP dalam Diploma Profesional CBTM ini merupakan satu pelaburan bermakna buat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) umum-

nya dan UA khususnya.

"Pendedahan kepada ilmu sumber manusia dengan 10 modul ditetapkan ini berjaya melahirkan pegawai lebih kompeten dalam pengurusan bakat lebih berstruktur dan telus.

"Dengan terhasilnya kohort pertama dalam CBTM ini, AKEPT berharap ia akan memperkasakan pengurusan bakat kepimpinan yang lebih telus, holistik dan objektif.

"UMP bersama UA lain akan bergerak seiring dan jaringan strategik ini juga landasan perkongsian ilmu yang berterusan bagi mencapai kelestarian pengurusan bakat kepimpinan berteraskan kompetensi," katanya.

Melalui turut berharap usaha AKEPT-UMP itu terus merencanakan agenda kelangsungan kepimpinan UA yang beribawa untuk kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

"Program komprehensif melalui pendekatan pembelajaran teradun di bawah penyeliaan Pusat Pemprofilan Kepimpinan (CeLP), manakala AKEPT dan UMP sebagai rakan strategik.

"Pembelajaran Teradun satu kaedah menggabungkan pendekatan pembelajaran mod bersemuka dan pembelajaran mod dalam talian," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kecemerlangan dan Kesjarjaan Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Prof Dr Fazliah Shahbodin, berkata CBTM program penting bukan saja kepada pentadbir universiti, malah semua komuniti universiti perlu faham dan mengikuti program ini untuk lonjakan kefahaman berhubung kompetensi dan pembangunan bakat.